

## PRESS – PRINT

<b>Publication</b>	Utusan Borneo Sarawak	<b>Day/Date</b>	Wed, 3 April 2024
<b>Section</b>	News	<b>Page No(s).</b>	8
<b>Circulation</b>	42,257	<b>Frequency</b>	Daily
<b>Headline</b>	DSA dan NATSEC Asia 2024 perkukuh diplomasi pertahanan, elak konflik		

### DSA dan NATSEC Asia 2024 perkukuh diplomasi pertahanan, elak konflik

KUALA LUMPUR: Sejak mula dianjurkan pada 1988, Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia telah memainkan peranan yang penting dalam memupuk diplomasi pertahanan antara negara serantau.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan Dr Mohd Bakhari Ismail berkata kewujudan diplomasi pertahanan yang baik antara negara-negara dapat mengelak sebarang pertelingkahan dan konflik daripada berlaku.

“Jadi, dengan adanya hubungan (pertahanan) yang baik ini kita dapat mengelakkan konflik dan program (DSA 2024 dan NATSEC) ini juga telah mengumpul banyak pemain industri bagi

bertukar buah fikiran dan saling berhubungan antara satu sama lain.

“Ini juga membolehkan mereka memperkenalkan teknologi terkini dalam bidang pertahanan dan keselamatan secara bersemuka serta dapat mewujudkan hubungan saling mempercayai satu sama lain,” katanya ketika menjadi tetamu jemputan program ‘Apa Khabar Malaysia’ terbitan Bernama TV semalam.

Pameran DSA dan NATSEC Asia 2024 edisi ke-18 akan diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) dari 6 hingga 9 Mei depan.

Turut hadir sebagai jemputan pada program itu ialah Pengarah Eksekutif DSA 2024 Nadzeem Abdul Rahman.

Setakat ini lebih 1,200

syarikat daripada 45 negara telah mengesahkan penyertaan dalam pameran pertahanan dan keselamatan dwitahunan itu, yang merupakan terbesar dalam sejarah penganjurannya sejak 36 tahun lepas.

Sebanyak 30 negara telah mengesahkan penyertaan dalam pameran itu termasuk Amerika Syarikat, China, Australia, Brazil, Jerman, India, Perancis, Itali, Korea Selatan, Turkiye, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan United Kingdom.

Pada edisi ke-17, sebanyak 380 delegasi kenamaan daripada 40 negara serta 35,567 pelawat perdagangan menghadiri DSA dan NATSEC ASIA 2022 dengan penyertaan kira-kira 1,000 syarikat daripada negara pengeluar industri pertahanan utama dunia. — Bernama